



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**Y.B. DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB**

MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN INISIATIF

**'PAYUNG RAHMAH LOTUS'S MALAYSIA'**

PADA

**14 MAC 2023, SELASA**

TEMPAT

**PASARAYA LOTUS'S SELAYANG**

- **Yang Berusaha Encik Kenneth Chuah**  
Presiden Lotus's Malaysia
- **Yang Berbahagia Datuk Azman Mohd Yusof**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup  
(KPDN)
- Pegawai-pegawai Kanan KPDN
- Pihak Pengurusan Lotus's Malaysia
- Wakil – wakil daripada media tempatan dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

**Selamat Pagi dan Salam Sejahtera**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita bertemu dan berkumpul bagi menjayakan Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Lotus's Malaysia pada pagi ini.
2. Saya ingin memulakan ucapan ini dengan merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas kesudian pihak Lotus's menjemput saya untuk menyempurnakan majlis perasmian kempen ini.
3. Seperti yang kita sedia maklum, industri peruncitan di negara ini telah mengalami masa yang sangat mencabar akibat daripada pandemik COVID-19 sejak hampir tiga (3) tahun yang lalu dan perkembangan semasa di dunia yang membawa kepada sekatan aliran perdagangan yang sedang memberi kesan langsung kepada pengguna.

4. Situasi pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah membawa pengguna untuk hidup dengan norma dan kelaziman baharu, tetapi semakin dihimpit dengan tekanan harga barang yang semakin meruncing dan membawa kepada isu kos sara hidup yang perlu ditangani segera.
5. Oleh itu, KPDN telah merangka pelaksanaan Inisiatif Payung Rahmah untuk membantu golongan termiskin dan kurang berkemampuan untuk mendapatkan bantuan makanan dan barangan keperluan asas yang dikenal pasti lebih berkesan, konsisten dan bersasar. Inisiatif ini adalah satu bentuk manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang Kerajaan kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan yang berpendapatan rendah melalui kerjasama bersama rakan-rakan strategik yang terlibat.
6. Inisiatif Payung Rahmah ini terdiri daripada Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Menu Rahmah, Bakul Rahmah dan Kafe Rahmah.
7. Selaku Menteri yang menerajui KPDN, saya telah melancarkan Jualan Rahmah pada 11 Januari 2023 yang lalu dan sedang dirancang untuk dilaksanakan di setiap 222 kawasan Parlimen secara berperingkat di seluruh negara. Seterusnya, saya telah melancarkan Menu Rahmah pada 27 Januari 2023 yang lalu dan telah merekodkan penyertaan 551 premis perniagaan makanan minuman di seluruh negara sehingga 20 Februari 2023.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Saya amat berbesar hati apabila mengetahui bahawa pihak Lotus's Malaysia yang diterajui oleh Yang Berusaha Kenneth Chuah bersetuju untuk bersama-sama membantu pihak Kerajaan, dan pihak KPDN dalam membantu rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan makanan dan barangan keperluan asas mereka di semua 65 parasaraya Lotus's melalui kempen Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Menu Rahmah dan Bakul Rahmah yang akan dijalankan mulai hari ini.
9. Saya mengambil maklum secara asasnya bahawa inisiatif Pakej Rahmah yang akan berlansung ini akan menawarkan harga istimewa (potongan dari 30%) yang lebih murah secara kombinasi mengikut sambutan – sambutan istimewa di Lotus's sebagai contoh Pakej Rahmah Kembali ke Sekolah dan lain-lain lagi.
10. Manakala Jualan Rahmah pula, merupakan program jualan murah sepanjang tahun di semua pasaraya Lotus's menawarkan potongan harga yang akan ditukar promosinya pada setiap bulan mengikut tempoh khas yang tertentu seperti Ramadhan Raya yang akan datang, jualan murah Merdeka dan sebagainya.

11. Lanjutan itu, saya berpendapat bahawa pelaksanaan inisiatif Bakul Rahmah dari pihak Lotus's ini juga berpotensi untuk menyumbang manfaat kepada 8,000 benifisiari kategori miskin tegar dengan menyasarkan sumbangan bakul makanan yang merangkumi barangan segar dan barangan keperluan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, produk bakeri, minyak masak, beras, gula, dan tepung gandum sepanjang tahun ini.
12. Pada hari ini juga, pihak Lotus's Malaysia bakal melancarkan kempen Menu Rahmah di setiap medan selera pasaraya nya, dimana setiap pengusaha makanan akan menyediakan set menu berharga RM 5.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Selain dari itu, suka saya katakan bahawa KPDM sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh pemain-pemain industri di Malaysia terutama pihak Lotus's dalam sokongan terhadap inisiatif kerajaan dan KPDM serta menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja dengan memberi ganjaran tambahan atau nilai tambahan kepada pengguna. Lebih-lebih lagi dengan kempen Sama-Sama Berseri RamRaya Lotus's yang akan datang. Pelanggan, khususnya yang menyambut perayaan ini boleh mengambil kesempatan ini untuk berbelanja keperluan harian mereka menjelang sambutan bulan Ramadan dengan harga patut

yang ditawarkan di kesemua stor Lotus's atau melalui aplikasi membeli-belah mereka - Lotus's Shop Online.

14. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berusaha Kenneth Chuah, Presiden Lotus's Malaysia dan seluruh warga kerjanya di atas segala usaha murni yang dipandu oleh semangat #KitakanJiran yang dilaksanakan sehingga ke hari ini.
15. Selain itu, saya juga percaya bahawa Lotus's Malaysia akan terus kekal menawarkan harga barangan pada kadar yang berpatutan dan kekal berkualiti tinggi kepada pengguna walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi yang semakin mencabar hari ini. Dan yang paling penting adalah, pihak Lotus's akan terus bersama-sama membantu lebih banyak komuniti setempat untuk demi mempertingkatkan tahap kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.
16. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke pelancaran inisiatif Payung Rahmah Lotus's Malaysia pada hari ini, khususnya kepada Yang Berusaha Kenneth Chuah dan seluruh warga kerja Lotus's Malaysia yang sudi menjemput saya pada hari ini.

17. Dengan ini, saya dengan rasminya melancarkan inisiatif Payung Rahmah Lotus's Malaysia di cawangan Lotus's seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.